



RMTB

Homepage: <http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb>
e-ISSN : 2773-5044

Kesedaran Tentang Proses Pembelian Rumah Mampu Milik (RMM) di Sarawak

Vanessa Landie Anak Anthony¹, Abdul Jalil Omar^{1,2*},
Khadijah Md Ariffin¹, Sabariah Eni¹, Azlina Md Yassin¹,
Haidaliza Masram¹

¹Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor,
MALAYSIA.

²Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI),
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor,
MALAYSIA

* Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2022.03.01.063>

Received 31 March 2022; Accepted 30 April 2022; Available online 25 June 2022

Abstrak: Affordable housing has become a phenomenon that is now actively growing in this century as well as opening up opportunities for the low-income group to own their own homes. The growing development of affordable housing has led to a lack of sensitivity in terms of information delivery to residents so that there are various speculations which can confuse residents related to home purchase. In this study, the researcher emphasizes two objectives of the study to answer the research problems, namely awareness of the provision of Affordable Housing (RMM) and to know the process of disseminating information on Affordable Housing (RMM) among the population. The use of questionnaires and interviews is preferred in this study to obtain information more clearly and in detail related to the research issues. As a result of this study, it was found that the representatives of the developers interviewed did not agree with the use of other mediums other than the official portal of the Ministry of Housing as a medium for official dissemination of information related to affordable housing. Furthermore, the results of the study also show that many residents are still unclear with the provision of affordable housing, which includes important information such as the type of affordable housing available in Sibul, eligibility requirements and government assistance. Overall, awareness of the process of buying affordable housing has not yet reached the optimum level among the people of Sibul.

Keywords: Awareness, Process, Dissemination of Information

1. Pengenalan

Proses pembelian rumah yang lebih efektif memberi impak besar dalam sesebuah organisasi tanah. Ia juga sejurus dengan profesion tanah yang dikategorikan sebagai satu kerjaya yang profesional. Oleh itu, pemantapan sesebuah urusan dalam urusan jual beli tanah amat diambil kira dalam pemasaran. Perumahan mampu milik adalah salah satu pendekatan kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah pertama khususnya golongan B40 dan M40 iaitu melalui program dan skim perumahan. Kajian ini mampu memberi kesedaran tentang kepentingan sesebuah proses pembelian yang efektif dalam kalangan penduduk di Sarawak dalam mengharungi pembangunan yang semakin pesat. Kewujudan isu yang berkaitan dengan maklumat sama ada dari aspek penyampaian maklumat dan mendapatkan maklumat. Sistem penyampaian yang berkesan juga meningkatkan kepercayaan penduduk berkenaan dengan maklumat-maklumat baru dalam sektor perumahan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini mengambil kira berkenaan dengan proses pembelian Rumah Mampu Milik (RMM) sekaligus melihat kepada pengguna media yang berkesan sebagai medium penyebaran maklumat. Pengkaji memfokuskan responden dalam kalangan penduduk di Sibu, Sarawak sebagai lokasi kajian dan menggunakan beberapa pendekatan bagi mencapai objektif kajian iaitu menggunakan data primer dan sekunder bagi mendapatkan data berkaitan.

1.2 Permasalahan Kajian

Terdapat isu salah faham antara pembeli dari aspek penyebaran maklumat di media sosial dalam urusan pembelian Rumah Mampu Milik (RMM) di Sarawak iaitu merangkumi syarat kelayakan dan sebagainya. Memetik satu kenyataan dari Pegawai Eksekutif dalam Jabatan Pembangunan Perumahan (HDC) negeri Sarawak yang mengatakan bahawa terdapat segelintir pihak gemar mendapatkan maklumat daripada pihak ketiga dalam urusan pembelian rumah yang mana menjadi punca masalah berlaku dalam urusan jual beli rumah. Dalam hal ini adalah ditekankan bahawa tahap kesedaran penduduk tentang rumah mampu milik haruslah ditajamkan melalui medium-medium yang sesuai. Selain itu, pihak berkuasa perlu menekankan medium-medium yang mudah diakses oleh penduduk Sarawak bagi mengatasi isu ini.

Bagi merungkai kepada wujudnya permasalahan kajian ini yang mana memerlukan penambahbaikan dari segi maklumat sama ada dalam konteks penyebaran mahupun mendapatkan maklumat. Oleh itu, pengkaji ingin menjalankan penyelidikan berkenaan isu tersebut bagi mengetahui sesuatu pandangan ataupun perspektif penduduk dalam urusan pembelian mahupun jual beli harta tanah. Sehubungan dengan itu, kajian ini wajar dijalankan kerana belum terdapat sebarang kajian lepas yang mengkaji berkaitan isu ini di Sarawak khususnya.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada dua persoalan utama iaitu merangkumi:

- (i) Bagaimanakah medium penyebaran maklumat yang sesuai berkaitan Rumah Mampu Milik (RMM) di kalangan penduduk Sibu?
- (ii) Apakah tahap kesedaran penduduk Sibu tentang Rumah Mampu Milik (RMM)?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah memfokuskan ke arah mencapai matlamat kajian dengan memfokuskan kepada dua objektif kajian iaitu:

- (i) Untuk mengetahui medium penyebaran maklumat yang sesuai berkaitan Rumah Mampu Milik (RMM) di kalangan penduduk Sibu.
- (ii) Untuk mengkaji tahap kesedaran penduduk Sibu tentang Rumah Mampu Milik (RMM).

1.5 Skop Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji memfokuskan kepada beberapa perkara iaitu:

- (i) Kawasan kajian adalah di Sibul, Sarawak ii. Responden utama adalah dari lingkungan umur 18 tahun ke atas (tahap umur minimum untuk memiliki rumah).
- (ii) Kajian dianalisis berdasarkan pandangan daripada maklum balas iaitu melalui borang soal selidik terhadap beberapa penduduk di Sibul.

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini sekaligus dapat memberi manfaat kepada mereka di masa akan datang iaitu merangkumi: i. Penduduk: Melalui kajian ini, penduduk akan lebih mengetahui terhadap proses-proses pembelian yang bakal mereka lalui dalam urusan pembelian rumah ini iaitu merujuk kepada beberapa dasar elemen penting.

- (i) Pihak Berkuasa: Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak berkuasa dalam menyebarkan maklumat berkenaan dengan Rumah Mampu Milik (RMM) yang mana mampu meningkatkan sambutan masyarakat dalam jual beli rumah ini sekiranya keberkesanan penyampaian tercapai.
- (ii) Pengkaji: Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai asas, panduan dan pengetahuan berkaitan proses pembelian rumah yang diukur dari sudut lokasi penyebaran maklumat, kekerapan dan media yang digunakan dalam penyebaran maklumat berkenaan dengan pembelian Rumah Mampu Milik (RMM).

2. Kajian Literatur

Kajian ini merangkumi hasil pembacaan dari kajian lepas dan pengkaji akan membuat rujukan yang menyeluruh iaitu mewakili fakta, maklumat, kaedah dan data yang menggaitkan maklumat berkenaan kesedaran dan penyebaran maklumat.

2.1 Elemen Penyampaian Maklumat

(a) Lokasi Penyebaran Maklumat

- (i) Medium Penyebaran Maklumat: Penyebaran maklumat adalah aspek terpenting bagi memastikan maklumat yang berguna dapat disebarkan kepada orang lain supaya dapat digunakan dengan optimum. Medium penyebaran maklumat adalah merangkumi medium secara bercetak (tesis, artikel, buku, journal, laporan dan pampakan), tidak bercetak (seminar, forum, program di radio dan television, rakaman audio, video) dan melalui internet (inisiatif digital, media baru: Blog, Facebook, Twitter, Instagram)
- (ii) Penggunaan Medium Yang Berkesan: medium penyebaran maklumat yang berkesan adalah radio dan televisyen. Menurut Mohd Hamdan dan Mahat (2017), radio adalah saluran komunikasi terpenting dalam penyaluran maklumat dan hiburan. Televisyen juga merupakan medium saluran maklumat yang dipercayai oleh masyarakat. Menurut Prof Madya Dr Che Hasniza Che Noh (2020), masyarakat akan menggunakan televisyen, radio dan media sosial rasmi bagi membuat semakan dan pengesahan berkenaan dengan sesuatu maklumat sebelum mempercayainya.

(b) Kekerapan Penyampaian


Merujuk kepada Laporan Kerangka Kerja Strategik (KKS) Pasukan Media Sosial (PMS) Kerja Raya, penyaluran maklumat secara konsisten adalah faktor penentu kejayaan. Terdapat beberapa cadangan kekerapan penyaluran maklumat mengikut saluran media iaitu:

(c) *Penggunaan Media*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, media adalah merangkumi alat atau perantaraan komunikasi seperti radio, televisyen, video, akhbar, surat khabar, majalah dan sebagainya. Menurut Malec et al., (2016) berpendapat pengiklanan melalui video promosi adalah satu kaedah yang efektif bagi mengiklankan perniagaan ataupun promosi melalui video interaktif boleh membina keserasian awal pengguna dan produk yang bakal dipasarkan tersebut.

(i) *Ranking Penggunaan Media Sosial*

Kajian penggunaan internet pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan penggunaan di beberapa media sosial.



Rajah 1: Statistik Penggunaan Media Sosial (Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC), 2020)

(d) *Komunikasi berkesan*

- (i) **Penyampai:** Penyampai harus jelas tentang mesej yang disampaikan, teliti dengan baik mesej yang ingin disampaikan dan yakin dengan mesej dan kepentingan dari mesej yang hendak di sampaikan serta mengurangkan gangguan yang mungkin diterima penerima dan sebagainya. (Asas Komunikasi, 2016)
- (ii) **Penerima:** Penerima adalah orang yang menjadi sasaran mesej yang hendak disampaikan. Mesej yang disampaikan akan dihantar menggunakan perkataan, symbol, ayat, atau bahasa tertentu bagi menggambarkan makna sesuatu mesej. (Asas Komunikasi, 2016)

2.2 **Kegunaan Media dalam Penyampaian Maklumat**

Kegunaan media amat penting dalam membantu menjana agenda kerajaan terutama melibatkan penduduk yang berada diluar kawasan bandar. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah system penyampaian kerajaan, kaedah pemasaran dan factor kesedaran penduduk.

(a) *Sistem Penyampaian Kerajaan*

Media 926social membolehkan pentadbir untuk memuat naik maklumat dalam pelbagai format seperti audio, video, gambar dan dokumen. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

(i) Portal

Portal menjadi satu pintu masuk bagi World Wide Web laman web sebagai tapak permulaan utama bagi pengguna. Maka, pengguna lebih cenderung untuk mengakses anchor site dalam internet khususnya dalam agensi perkhidmatan. Contohnya, Portal Rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

(ii) Laman web/website

Laman web merupakan media pengiklanan yang berkesan dan bersifat global. Contohnya, <https://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/268>. Melalui SoalanSoalan yang Lazim Ditanya (FAQ) yang terdapat di website, ianya memudahkan proses untuk berinteraksi dengan pelanggan sama ada melalui e-mail iaitu menggunakan borang atau melalui panggilan telefon.

(b) *Kaedah Pemasaran*

Dalam catatan berkaitan Evolusi Media Sosial, media sosial adalah lebih mudah bagi proses penyebaran informasi dan maklumat dalam kalangan peniaga-peniaga iaitu hanya perlu membuat artikel, tulisan, gambar, video dan lain-lain bentuk informasi yang mana lebih terjamin bagi pengguna di internet untuk melihat mahupun menyedarinya.

(c) *Faktor Kesedaran*

Dalam konteks sistem komunikasi dan maklumat, kesedaran adalah merujuk kepada pengetahuan yang dihasilkan melalui interaksi agen dan persekitarannya ataupun dalam istilah sederhana iaitu mengetahui apa yang sedang terjadi. Menyadari: Dalam arti kata kesedaran sosial, menyedari adalah melambangkan penduduk mempunyai pengetahuan yang cukup tentang sesuatu perkara.

2.3 Penyediaan Projek Perumahan Mampu Milik di Sarawak

Terdapat beberapa projek perumahan mampu milik yang telah disediakan oleh kerajaan antaranya ialah:

- (i) PRIMA: December 2020, dua projek telah siap dibina
- (ii) Rumah Mesra Rakyat: Pada tahun 2020 sebanyak 1,438 unit siap dibina & 195 sedang dibina.
- (iii) Perumahan Penjawat Awam Malaysia: Pada tahun 2020 yang mana sebanyak 2 projek telah siap dibina iaitu mewakili 544 units.
- (iv) Rumah Spektra Permata: Telah dibina seawal tahun 2017 sebanyak 2500 unit.
- (v) Program Perumahan Rakyat: Terdapat 2 program PPR di Sarawak: PPR dimiliki dan PPR disewa

3. Metodologi Kajian

Bab ini memberi gambaran dan penjelasan berkaitan dengan penggunaan kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mendapatkan dan menganalisis data dengan tujuan bagi mencapai objektif kajian ini. Metodologi kajian ini adalah merangkumi penggunaan kaedah yang tepat bagi melaksanakan penyelidikan yang khususnya dapat memberi gambaran membaikpulih berkaitan dengan permasalahan kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan yang dikenalpasti dalam sesebuah kajian. Oleh itu, reka bentuk kajian yang bersesuaian dengan permasalahan akan digunakan bagi menyatakan penjelasan dalam kajian ini yang mana mudah bagi pembaca untuk memahaminya.

Persampelan adalah proses pemilihan elemen-elemen dalam populasi kajian bagi tujuan mewakili populasi sesebuah kajian (Syahremie, 2016). Kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Kaedah kualitatif iaitu temu bual dan kuantitatif iaitu soal selidik dengan sample yang mudah adalah diutamakan dalam kajian ini. Pengkaji memfokuskan populasi kajian iaitu dalam kalangan penduduk di SibU. Kajian ini hanya melibatkan beberapa jumlah populasi yang tinggal di SibU iaitu daripada 288,000 orang penduduk iaitu terhad kepada 100 orang responden yang berumur 18 tahun ke atas.

3.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data bagi objektif pertama iaitu menggunakan kaedah temu bual iaitu kaedah yang sesuai digunakan untuk mengakses data berkaitan dengan medium penyebaran maklumat Rumah Mampu Milik (RMM) di kalangan penduduk SibU. Menurut Shuhairy (2021), 927oring soal selidik merupakan satu set soalan bertulis bagi tujuan analisis yang menjawab persoalan kajian iaitu mewakili 2 jenis soal selidik iaitu soal selidik bentuk tertutup dan soal selidik bentuk terbuka. Bagi mencapai objektif kedua kajian yang mana pengkaji memfokuskan kepada penggunaan kaedah soal selidik untuk mengakses data daripada penduduk di SibU berkaitan berkaitan dengan tahap kesedaran penduduk tentang rumah mampu milik.

3.3 Analisis Data


Bagi dapatan kajian, penganalisan data daripada borang soal selidik ditafsir dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) dan hasil kajian telah diterjemahkan dalam bentuk data deskriptif. Hasil kajian menggunakan kaedah temu bual telah dianalisis melalui proses transkrip atau menyalin adalah langkah pertama dalam proses penganalisan data seperti menyalin semula data-data awal iaitu dalam bentuk rakaman audio yang mengandungi temubual penyelidik dan responden serta dilakukan secara menyeluruh tanpa mengubah mahupun meninggalkan apa-apa yang didengar dan diperhatikan.

4. Keputusan dan Perbincangan

Barisan pertama di mana penyelidik mengulas ringkasan keputusan bagi kedua-dua objektif yang telah dipilih oleh penyelidik iaitu berkaitan medium penyebaran maklumat yang sesuai berkaitan rumah mampu milik di kalangan penduduk SibU dan tahap kesedaran penduduk SibU tentang rumah mampu milik. Di barisan kedua telah membincangkan berkenaan dengan keputusan bagi kedua-dua objektif.

4.1 Medium Penyebaran Maklumat berkaitan Rumah Mampu Milik

Keputusan dari objektif pertama dalam mengetahui medium penyebaran maklumat yang sesuai berkaitan rumah mampu milik di kalangan penduduk SibU.



Rajah 2: Graf medium penyebaran maklumat yang sesuai berkaitan rumah mampu milik

Berdasarkan graf, televisyen, facebook, portal rasmi serta radio menjadi pilihan utama responden sebagai medium yang sesuai digunakan untuk penyebaran maklumat berkaitan dengan rumah mampu milik. Selain itu, buku, artikel dan blog menjadi medium yang kurang dipersetujui oleh responden sebagai medium penyebaran maklumat yang sesuai berkaitan dengan rumah mampu milik. Hal ini dapat dibuktikan kerana penggunaan medium seperti Facebook, radio serta televisyen sering menjadi rujukan utama bagi penduduk SibU untuk mendapatkan maklumat serta menjadi salah satu medium harian penduduk untuk mengakses info-info penting di dalam negara.

Jadual 1: Penetapan Kod untuk Analisis

Kaedah Kajian	Responden	Kod Penetapan
Temubual	Puan Jeniffer	P1
Temubual	Puan Rina	P2


4.2 Kaedah Penyebaran Maklumat berkaitan Rumah Mampu Milik di SibU

Menurut P1, penerimaan penduduk SibU berkenaan dengan penubuhan rumah mampu milik menunjukkan sambutan yang memberangsangkan dan positif. P1 menyatakan bahawa penggunaan medium rasmi seperti portal rasmi Jabatan Perumahan Negeri Sarawak masih lagi relevan dan sesuai digunakan oleh penduduk untuk mengakses maklumat berkenaan dengan rumah mampu milik buat masa ini (Jadual 2).

Seterusnya, P1 turut menyatakan bahawa saluran radio dan televisyen penting bagi pihak mereka untuk memberi tahu kepada penduduk khususnya golongan B40 tentang penubuhan rumah mampu milik seperti yang sedia ada di Bandar SibU sehingga hari ini. P1 juga menyatakan bahawa beliau bersetuju bahawa sambutan penduduk SibU berkenaan dengan penubuhan rumah mampu milik berkait rapat dengan keberkesanan penyebaran maklumat kepada penduduk merangkumi lokasi, kekerapan penyebaran serta medium penyebaran yang digunakan.


P1 turut menyatakan bahawa penggunaan medial sosial selain portal rasmi Jabatan Perumahan tidak sesuai digunakan sebagai saluran penyebaran maklumat berkaitan dengan rumah mampu milik tersebut kerana hal tersebut boleh memberi peluang kepada pihak ketiga untuk mengambil kesempatan bagi menjadi orang tengah sehingga boleh menimbulkan kes penipuan dan menyebabkan kerugian kepada penduduk.

Berdasarkan temubual bersama responden, kita dapat melihat bahawa wakil daripada pemaju iaitu responden P1 mengklarifikasikan bahawa Portal Rasmi Kementerian Perumahan Negeri Sarawak masih menjadi salah satu medium yang sangat sesuai sebagai medium penyebaran maklumat berkaitan dengan rumah mampu milik di kalangan penduduk SibU. Hal ini sedemikian kerana pihak mereka mementingkan kepuasan penduduk di samping menyediakan rumah yang bersesuaian dengan golongan berpendapatan rendah. Keputusan dalam mengkaji tahap kesedaran penduduk SibU tentang rumah mampu milik ialah penduduk sedar atas kewujudan rumah mampu milik yang disediakan oleh pihak kerajaan.



Rajah 3: Graf penerimaan maklumat oleh penduduk tentang rumah mampu milik

Berdasarkan Rajah 3, kebanyakan responden bersetuju bahawa skim perumahan mampu milik adalah skim perumahan di bawah Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan. Perumahan mampu milik adalah skim perumahan bagi pembeli rumah pertama mendapat respon yang kedua tertinggi manakala skim perumahan mampu milik hanya terdapat di Sibu sahaja mendapat respon yang paling kurang dipersetujui dan berada di tahap respon yang tidak pasti paling tertinggi. Secara keseluruhan, kebanyakan responden menyatakan tidak pasti bagi ketiga-tiga soalan. Ini menunjukkan bahawa penduduk masih kurang jelas tentang penyediaan rumah mampu milik yang terdapat di Sibu serta masih kekurangan maklumat berkenaan dengan rumah mampu milik.



Rajah 4: Graf elemen penyampaian maklumat yang berkesan

Jadual 2: Kod dan pernyataan daripada responden

Kod	Penyataan
P1	Lokasi/tempat bagi sesuatu maklumat yang hendak disampaikan kepada penerimaan/masyarakat adalah elemen yang penting dalam penyampaian maklumat.
P2	Penggunaan medium penyebaran maklumat secara optimum adalah untuk memastikan maklumat yang berguna dapat disebar dengan lebih meluas.
P3	Radio dan televisyen adalah medium yang amat dipercayai bagi tujuan penyaluran maklumat rasmi kepada masyarakat.
P4	Kekerapan penyampaian adalah aspek terpenting dalam penyaluran maklumat yang lebih berkesan kepada penerimaan/masyarakat.

5. Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa penggunaan Portal Rasmi Kementerian Perumahan Sarawak telah digunakan sepenuhnya. Dari sudut pandangan mereka bahawa portal rasmi menjadi satu medium penyebaran maklumat yang sesuai dan selamat untuk digunakan serta menjadi medium yang boleh dipercayai oleh penduduk. Dalam masa yang sama, responden yang mewakili penduduk juga sangat bersetuju dengan penggunaan laman sesawang seperti Facebook sebagai medium penyebaran yang berkesan.

Berdasarkan respon penduduk melalui borang soal selidik serta temubual didapati penduduk masih kurang peka tentang pentingnya penyediaan rumah mampu milik khususnya golongan berpendapatan rendah. Dari segi syarat kelayakan, kebanyakan penduduk masih kurang mahir dalam meneliti syarat-syarat penting dalam pembelian rumah mampu milik. Merujuk kepada jenis rumah yang telah dimiliki oleh responden, hampir semua menyatakan mereka memiliki rumah sendiri dan hanya empat orang

responden yang menunjukkan bahawa mereka memiliki rumah mampu milik. Tambahan pula, seramai 57% responden menunjukkan bahawa mereka mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM3000. Ini menunjukkan masih ramai penduduk yang belum sedar akan manfaat penyediaan rumah mampu milik.

Secara keseluruhan, keberkesanan penggunaan portal rasmi Kementerian Perumahan juga dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kepada penduduk. Oleh hal yang sedemikian, penduduk dapat mengenali dengan lebih jelas tentang syarat-syarat serta maklumat penting yang mana terjamin dari segi kesahihan maklumat tanpa memberi peluang kepada pihak ketiga untuk melakukan penyelewengan serta mengaut keuntungan. Sebagai kesimpulan, tahap kesedaran penduduk Sibul tentang penyediaan rumah mampu milik adalah masih rendah.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana menyokong kajian ini.

Rujukan

- Alicia. (2019). Apakah Proses Beli Rumah Pertama Anda? Speedhome Blog. <https://speedhome.com/blog/apakahproses-beli-rumah-pertama-anda/>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005) *Kamus Dewan* (Edisi Keempat) Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evolusi Media Sosial. (2015). Blogspot. <http://evolusimediasosial.blogspot.com/2015/12/kepentingan-media-sosialdalam.html>
- F, K. Ge. (n.d.). Kerangka Kerja Strategik (KKS) Pasukan Media Sosial (PMS) Kerja Raya. *Angewandte Chemie International Edition*, 6(11), 951–952.
- Mohd Hamdan, A., & Mahat, J. (2017). Bukan sekadar muzik. Kajian radio kampus KK FM. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 313-339.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2016). Internet Users Survey 2016. The Internet Users Survey, 76. <https://doi.org/ISSN 1823-2523>
- Prof Madya Dr Che Hasniza Che Noh. (2020). TV, radio, media sosial rasmi sumber paling dipercayai sepanjang PKP. *TintaMinda*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1851601>
- Shuhairy Norhisham. (2020). Soal Selidik dalam Penyelidikan. *Pascasiswazah*. <https://www.pascasiswazah.com/soalselidik-dalam-penyelidikan/>
- Sarawak Population. (2020). The Official Portal of Sarawak Government. https://sarawak.gov.my/web/home/article_view/240/175/
- Borneo Post Online. <https://www.theborneopost.com/2020/12/24/12964-affordable-houses-at-various-stages-in-sarawak/>